



# MAJLIS BANDARAYA IPOH

## NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

| BIL. | BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA                                                                                                                                                                                                                                           | KOD BIDANG / KELAYAKAN                                                                                                                                                                  | TARIKH IKLAN/JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | TARIKH LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK | TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN                                                                                                                                                                                                                   |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <p><b>NO. SEBUTHARGA</b><br/>S0158/26</p> <p><b>NO. RUJUKAN</b><br/>F4/5/84/26</p> <p><b>TAJUK</b><br/>KONTRAK TAHUNAN<br/>UNTUK KERJA-KERJA<br/>MENYELENGGARA<br/>PREMIS MBI BAGI<br/>TEMPOH 24 BULAN<br/>TAHUN 2026/2028<br/>SEKTOR D3 - BANGUNAN<br/>LAIN</p> | <p><b>(BUMIPUTERA)</b></p> <p><b>GRED:</b><br/>G2</p> <p><b>KATEGORI: B</b></p> <p><b>PENGKUSUSAN:</b><br/>B24</p> <p><b>DAN</b></p> <p><b>SIJIL PEMATUHAN CUKAI<br/>LHDN (TCC)</b></p> | <p><b>TARIKH IKLAN</b><br/>17 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS)</p> <p><b>TARIKH JUAL</b><br/>17 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS)</p> <p><b>TARIKH AKHIR PEMBELIAN</b><br/>23 SEPTEMBER 2026 (RABU)<br/>JAM 12.00 TENGAH MALAM</p> <p><b>HARGA DOKUMEN</b><br/>RM80.00<br/>(TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p><b>LAYARI LAMAN SESAWANG<br/>MAJLIS BANDARAYA IPOH</b><br/><a href="https://myperolehan.mbi.gov.my">https://myperolehan.mbi.gov.my</a></p> | -TIDAK<br>BERKENAAN-            | <p><b>TARIKH TUTUP</b><br/>24 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS)</p> <p><b>MASA</b><br/>12:00 TENGAH HARI</p> <p><b>LOKASI PENGHANTARAN<br/>DOKUMEN SEBUTHARGA</b><br/>PETI TENDER/<br/>SEBUT HARGA<br/>TINGKAT 1,<br/>UNIT PEROLEHAN, MAJLIS<br/>BANDARAYA IPOH</p> |

JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK :-

- HANYA **PENAMA YANG DIBERI KUASA DALAM LESEN** SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK;
- SEMUA PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBAWA **COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK**
- HANYA PENYEBUT HARGA YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTA DAN MEMBELI SEBUTHARGA INI.

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebut harga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 23 SEPTEMBER 2026 (RABU) JAM 12.00 TENGAH MALAM. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

3. Naskah Meja Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

4. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada syarikat dengan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB serta masih sah lakunya, 60 hari dari tarikh mula jual.

5. Surat Kelulusan Kebenaran Khas CIDB bagi pengkhususan yang tidak didaftarkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

6. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran / kompaun / sewaan / semak-samun / pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya Penyebut Harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

7. Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh**.

8. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

**SURIANI BINTI ISMAIL**  
KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN  
MAJLIS BANDARAYA IPOH

**MOHD SHAHRIN BIN NORDIN**  
PENOLONG KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN  
MAJLIS BANDARAYA IPOH